



**BERJAYA DISELAMATKAN:** Bayi Haslinah yang berusia 28 hari bersama keluarganya diselamatkan anggota Bomba dan Penyelamat balai Kubu dan Alor Gajah di Kampung Bukit Tambun, Alor Gajah.

## Ibu, bayi 28 hari selamat

BAT  
21/12/2006

**A**LOR GAJAH: "Saya buntu melihat air naik dengan cepat...ketika itu, saya hanya mampu menunggu di pangkin dan berharap ada orang menyelamatkan kami," kata suri rumah, Haslinah Harun, 29.

Haslinah yang baru melahirkan anak 28 hari lalu, berkata selepas memindahkan peralatan rumah ke tempat lebih tinggi, beliau bersama dua adik dan dua anak perempuannya, terperangkap di dalam rumah mereka di Kampung Bukit Tambun, dekat sini.

Air yang naik sehingga 1.8 meter di kawasan berdekatan mendorong Haslinah menunggu di pangkin di luar rumah sementara menunggu diselamatkan. Ketika kejadian, suaminya, anggota tentera, tiada di rumah kerana bertugas di Kuantan.

Selepas menunggu empat jam, beliau dan keluarganya diselamatkan Pasukan Skuba Jabatan Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu dan dihantar ke rumah saudaranya di pekan Sungai Gading sebelum ditempatkan di pusat pemindahan.

Korporal Arshad Mail yang mengetuai pasukan menyelamatkan itu berkata, Haslinah dan ahli keluarganya antara dua keluarga terakhir diselamatkan apabila banjir di melanda kampung terbabit, kelmarin.

"Kami tidak tahu Haslinah mempunyai bayi berusia 28 hari sehinggalah kami tiba di rumahnya dan dimaklumkan bahawa beliau masih dalam pantang. Jika kami tahu dari awal, kami akan memberi keutamaan menyelamatkannya," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Ali Mat Mat Ali, berkata seramai 26 keluarga dipindahkan berikutan banjir di kampung itu kelmarin.

Katanya, beliau menghubungi bomba jam 3.30 petang sebelum usaha menyelamatkan pertama dibuat membabitkan warga emas berusia 82 tahun, kira-kira jam 5.30 petang, kelmarin.

"Sebahagian mangsa banjir ditempatkan sementara di Sekolah Menengah Durian Tunggal manakala yang lain menumpang di rumah saudara dan rakan mereka," katanya.



**CUBA NASIB:** Sebuah lori cuba meredah air di Pekan Gemas, Negeri Sembilan.



**PUTUS HUBUNGAN:** Orang ramai melihat laluan ke Felda Selancar, Kuantan yang ditutup kepada semua kenderaan.



**TERPAKSA PINDAH:** Raja Ismail Raja Abbas, 40, dan adiknya Raja Mansor, 39, berehat atas sampan di Kampung Pulau, Gelang Patah, Johor Bahru.



**PRIHATIN NASIB:** Raja Zarith Sofia (kanan) memangku Nofiana Sufian, 4 bulan sambil diperhatikan ibunya Diana Zarfini Mohd Parudin, 16 ketika melawat mangsa banjir di dewan SJKC Pu Tze, Skudai, Johor Bahru.



**ASALKAN KENYANG:** Kanak-kanak mangsa banjir di Kampung Kangkar Tebrau menikmati makanan tengah hari.



**ARUS DERAS:** Keadaan landasan kereta api laluan Tampin-Batang Melaka rosak selepas dinaiki air.



**BERSIHKAN RUMAH KELUARGA:** Siti Hawa Salee (dua dari kanan) membersihkan rumah mereka selepas air banjir mula surut di Kampung Kangkar Tebrau, Johor Bahru.